

# Dogathon **UPM**

**Pelajar** Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghimpunkan 900 anjing dalam Dogathon di Bukit Ekspo, UPM, baru-baru ini.

Program itu bagi mengumpul dana untuk projek Kesedaran Haiwan Terbiar dan Pengkasian Haiwan Terbiar).

## **Kawal jumlah haiwan**

Pengarah program, Lim Zhi Jian, berkata program bertema Howl with the hounds or you're doomed! itu bertujuan mengawal jumlah haiwan menggunakan pendekatan dengan perikemanusiaan.

Katanya, menerusi program itu juga maklumat mengenai haiwan itu disebarkan kepada orang ramai termasuk tanggungjawab

berkaitan pemeliharaan, penjagaan kesihatan haiwan kesayangan, menjaga kebajikan haiwan terbiar dan maklumat kerjaya sebagai ahli veterinar.

## **Kerjaya veterinar**

"Antara baka anjing yang dibawa menyertai program ini ialah Beagle, Chihuahua, Dachshund, Dalmation, Doberman, German Shepherd, Golden Retriever, Labrador Retriever, Mongrel, Pomeranian, Pug, Schnauzer, Shih Tzu, Siberian Husky, Toy Poodle, Welsh Corgi dan Yorkshire Terrier.

"Dogathon menjadi wadah bagi melatih serta memberi pendedahan mengenai kerjaya ahli veterinar.

"Program ini diharap mampu menarik lebih ramai



**Peserta mengenakan** solekkan ala zombie.

pengunjung dan penaja pada masa depan," katanya dalam majlis perasmian Dogathon 2012 di Bukit Ekspo, UPM, baru-baru ini.

## **Manfaat untuk semua**

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof Datuk Dr Mohd Saleh Jaafar, berkata program itu peluang

terbaik bagi pelajar veterinar mengenali pihak yang terlibat dalam industri veterinar selain mendidik masyarakat dalam aspek penjagaan haiwan kesayangan.

"Dogathon ialah program ikon pelajar veterinar kerana pelbagai ilmu baru boleh dimanfaatkan termasuk kepada masyarakat luar kampus," katanya.

Turut hadir ialah Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Prof Dr Mohd Hair Bejo, Pengurus Petpositive yang juga ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Datuk Anthony Thanasayan dan Ratu Cantik Dunia Malaysia 2009/2010, Thajuna Ananthan yang juga duta Persatuan Melindungi Haiwan dengan Beretika (PETA).



**Salah satu** aktiviti Dogathon di Bukit Ekspo, UPM, baru-baru ini.